



SKM SALUR RM300 RIBU KEPADA KOPERASI AMMAR AMRAN BERHAD

Dengan sokongan yang diberikan oleh SKM, KAAB berazam untuk membantu koperasi-koperasi di seluruh tanah air yang berhasrat untuk menceburi sektor perindustrian tekstil seperti menjual pakaian jenama tertentu yang pernah dihasilkan oleh KAAB atau menghasilkan pakaian sendiri pada kadar keuntungan yang munasabah.




Pengkalan Chepa, 17 Ogos 25 - lawatan yang dihadiri oleh koperator-koperator daripada seluruh negara ini bertujuan untuk mewujudkan serta menggalakkan hubungan perniagaan di antara koperasi khususnya dalam sektor tekstil.

Lokasi kilang terletak dalam radius 10 kilometer dari pusat Bandar Kota Bharu dan kurang 5 kilometer dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, menjadikannya satu lokasi yang strategik dan mudah diakses. Kedudukan yang strategik ini telah membantu dalam merencanakan perniagaan Koperasi Amar Amran Berhad (KAAB). Ini kerana segala keperluan logistik telah pun tersedia di kawasan ini. Tambahan, pelanggan yang berhasrat untuk melawat, berunding, mengikat perjanjian dan persefahaman dalam hubungan perniagaan dengan KAAB dapat hadir sendiri ke sini dengan menggunakan laluan udara yang lebih selesa kerana kini lapangan terbang telah dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa.

Kilang tekstil yang dioperasikan oleh KAAB telah bertapak dalam tempoh 5 tahun di dalam Kawasan Industri MARA dengan sewaan sekitar RM7,000.00 sebulan. Kadar sewa yang berpatutan telah memberikan motivasi kepada KAAB untuk mengambil seramai mungkin anak tempatan untuk bekerja di kilang ini. Kewujudan perusahaan KAAB ini selain dapat membantu untuk meneruskan kesinambungan bakat modal insan yang diterbit daripada institusi-institusi pengajian tempatan seperti Kolej Poly-Tech MARA, ia juga mampu menjana pendapatan bulanan kepada mereka sekaligus mampu menyokong kepada kestabilan ekonomi setempat.





Pada tahun 2025, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyalurkan sejumlah RM300,000.00 Geran Bantuan Pembangunan Perniagaan Koperasi kepada KAAB bagi tujuan pembelian mesin dan peralatan bagi menyokong permintaan terhadap tempahan pakaian dan produk berasaskan tekstil yang semakin meningkat. Geran tersebut telah digunakan untuk membeli mesin sublimation bernilai RM357,000.00 yang diimport daripada China. Terdapat 3 bahagian utama komposisi mesin. Pertama, mesin roll-to-roll UV hybrid printer yang digunakan untuk mencetak rekabentuk corak pada fabrik sepertimana yang diinginkan oleh pelanggan KAAB. Kedua, mesin pemotong CO² yang digunakan bagi tujuan untuk memotong fabrik yang telah dicetak daripada mesin di atas. Ketiga, mesin pemindahan haba yang berfungsi untuk memindahkan reka bentuk dari kertas ke fabrik dengan menggunakan haba dan tekanan khusus untuk penghasilan fabrik jenis sublimation. Secara kasar mesin-mesin ini mampu bekerja sekitar 140 meter persegi/jam bagi penghasilan fabrik sublimation.

Dengan sokongan yang diberikan oleh SKM, KAAB berazam untuk membantu koperasi-koperasi di seluruh tanah air yang berhasrat untuk menceburi sektor perindustrian tekstil seperti menjual pakaian jenama tertentu yang pernah dihasilkan oleh KAAB atau menghasilkan pakaian sendiri pada kadar keuntungan yang munasabah. Jenama KAAB sendiri sebuah jenama yang tersohor yang pernah di pasarkan dalam pasaraya terkemuka antaranya isetan, Suria KLCC dan bakal berada di Mayang Mall, Kuala Terengganu.

